

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Lima lagi kes positif ketika sidang Dewan Rakyat

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan lima lagi kes positif COVID-19 ketika persidangan Dewan Rakyat, baru-baru ini, menjadikan jumlahnya mencecah 30 kes, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, dua membabitkan ahli Parlimen; masing-masing sembilan kes pengiring dan pegawai agensi kerajaan; ahli keluarga (tujuh); kontraktor (dua); kakitangan Parlimen (satu).

"Lima kes baharu itu sudah dimaklumkan pada 13 Ogos lalu membabitkan lima sekeluarga, dengan kes pertama bergejala adalah individu yang menghadiri sidang Parlimen itu.

"Tiga kes mempunyai nilai kitaran ambang atau 'CT value' RT PCR antara 16.98 sehingga 22.76, iaitu kebolehjangkitan yang tinggi, manakala dua kes lagi ialah antara 28.98 sehingga 33.98," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes-kes mereka sudah lengkap vaksinasi, selain hanya bergejala ringan dan menjalani kuarantin di kediaman masing-masing.

Beliau berkata, sehingga kini, jumlah keseluruhan kes dikesan berkaitan persidangan Parlimen adalah 102 kes, termasuk lima kes baharu dilaporkan semalam.

Sementara itu, sebanyak 20,546 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, dengan semua negeri dan Wilayah Persekutuan menyumbang angka jangkitan.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kumulatif penularan wabak itu di Malaysia kini mencecah 1,404,899 jangkitan, dengan 247,261 kes aktif.

Lapan negeri dan Wilayah Persekutuan mencatat empat digit jangkitan baharu semalam, yang menyaksikan Selangor terus mendahului dengan 7,307 kes.

ia disusuli Sabah (1,665), Kedah (1,596), Johor (1,508), Kuala Lumpur (1,442), Pulau Pinang (1,111), Perak (1,069) dan Kelantan (1,025).

"Daripada jumlah kes baharu, hari ini (semalam), 373 kes (1.8 peratus) membabitkan Kategori 3, 4 dan 5, manakala 20,173 kes (98.2 peratus) lagi Kategori 1 dan 2. Secara keseluruhan, 17,802 kes (86.64 peratus) tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

Selain itu, 282 korban baharu akibat COVID-19 dilaporkan, dengan 101 kes kematian di luar hospital (BID), yang membawa kepada jumlah kumulatif 12,510 (0.89 peratus), manakala 29 kluster baharu dikesan.

Kematian di luar hospital naik ketara

Kuala Lumpur: Jumlah kes kematian akibat jangkitan COVID-19, khususnya kematian di luar hospital (BID), mencatatkan peningkatan ketara dalam tempoh dua minggu lalu.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan sejumlah 3,202 kematian akibat pandemik itu direkodkan dalam tempoh 14 hari antara 1 Ogos hingga kelmarin.

Daripada jumlah itu, 1,363 kematian direkodkan bagi minggu pertama bulan ini, iaitu antara 1 hingga 7 Ogos lalu, namun melonjak kepada 1,839 atau hampir 35 peratus dalam tempoh seminggu berikutnya, iaitu antara 8 Ogos hingga kelmarin.

Lebih membimbangkan, data KKM turut merekodkan peningkatan ketara bagi kes BID antara minggu pertama dengan minggu kedua bulan ini.

Bagi minggu pertama Ogos, sejumlah 176 kes BID direkodkan, namun ia meningkat sebanyak 408 kes antara 8 Ogos hingga kelmarin, iaitu peningkatan lebih 130 peratus.

Ia menjadikan jumlah kese-

luruhan kes BID yang direkodkan antara 1 Ogos hingga kelmarin ialah 584 kes, iaitu 18.2 peratus daripada 3,202 kematian yang dicatatkan dalam tempoh sama.

Selain itu, peningkatan kes kematian turut dicatatkan di Selangor dan Kuala Lumpur dalam dua minggu pertama bulan ini meskipun jumlah kes baharu di kedua-dua negeri dan wilayah itu menurun.

Trend peningkatan kes kematian turut dilihat di beberapa negeri luar Lembah Klang bagi tempoh sama, antaranya Sabah, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Kedah.

Sabah mencatat peningkatan kematian yang ketara lebih 70 peratus, daripada 55 kes pada minggu pertama Ogos kepada 94 kes bagi minggu kedua bulan ini, manakala Selangor merekodkan peningkatan 46.4 peratus dengan keseluruhan 1,289 kematian bagi tempoh sama.

Ia disusuli Kuala Lumpur (41.3 peratus, keseluruhan 519); Perak (66 peratus, keseluruhan 112); Johor (16 peratus, keseluruhan 376);

Negeri Sembilan (15.6 peratus, keseluruhan 138) dan Kedah (empat peratus, keseluruhan 192).

Dalam pada itu, kes kematian COVID-19 bagi golongan wanita melonjak sebanyak 817 kes atau 36.1 peratus pada minggu kedua Ogos berbanding 600 kematian pada minggu pertama.

Kadar peningkatan itu melebihi kematian golongan lelaki, yang meningkat 33.5 peratus atau 1,022 kes bagi minggu kedua Ogos, berbanding 765 kes pada minggu pertama.

Dalam perkembangan berkaitan, KKM merekodkan kes BID tertinggi, iaitu 101 daripada 282 kematian akibat COVID-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dalam satu kenyataan memaklumkan daripada jumlah itu, sebanyak 46 kes BID membabitkan warganegara, manakala 55 lagi rakyat asing.

Selangor mencatat 49 kes BID, Kuala Lumpur (31), Pulau Pinang (sembilan), Johor (empat), Sabah (tiga), Perak (dua), Sarawak (dua) dan Kelantan (satu).

Sementara itu, pakar kesihatan awam (epidemiologi dan biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata bebanan tinggi yang masih ditanggung sistem kesihatan awam dilihat antara faktor menyumbang peningkatan kes kematian dan BID.

Katanya, penurunan kes baharu ketika ini masih tidak ketara dengan merekodkan jumlah tinggi sekitar 20,000 sehari, sekali gus mempengaruhi kes kematian yang kini mencatat purata 250 hingga 260 kes sehari.

Disebabkan kes harian yang kekal tinggi, katanya, penurunan jumlah pesakit sedia ada di hospital dan unit rawatan rapi (ICU) belum dirasakan, sekali gus masih menjejaskan kapasiti dan tahap kemampuan sistem kesihatan awam merawat sebanyak mungkin pesakit COVID-19.

"Memang kes mula mencatat penurunan, namun kadarnya masih kecil berbanding jumlah kes harian yang kekal tinggi ketika ini," katanya.

Terkini COVID-19 16,945 Pullh, dibenar keluar hospital, semalam **20,546** Kes baharu disahkan, semalam **12,510** Jumlah kematian dicatat **1,404,899** Jumlah kes disahkan positif **247,261** kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Labuan jadi contoh kejayaan PICK

Kes jangkitan wabak catat penurunan selepas imuniti kelompok dicapai

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Program vaksinasi diletakkan sebagai harapan utama dalam usaha Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan melandaikan kes secepat mungkin sehingga berjaya mencapai imuniti kelompok lebih awal berbanding tarikh sasaran.

Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan, Dr Ismuni Bohari, berkata selepas kira-kira tiga bulan mencatat peningkatan mendadak kes COVID-19 dan dilihat dalam keadaan sangat kritikal, Labuan berjaya pulih dalam tempoh singkat selepas program vaksinasi diperhebatkan di pulau bebas cukai itu bermula 1 Jun lalu.

Jumlah jangkitan harian yang tinggi mencecah tiga angka sehari pada Mei hingga awal Julai lalu, berjaya diturunkan ke paras satu angka dan Labuan kemudian mencapai imuniti kelompok pada 27 Julai lalu, sebulan selepas Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dilaksanakan secara besar-besaran.

"Program vaksinasi dilaksanakan bersama melalui penyusunan program dengan kerjasama Jawatankuasa Bencana Labuan dan Majlis Perwakilan Penduduk serta ketua kampung. Akhirnya kita berjaya menyelesaikan vaksinasi hingga 80 peratus dos kedua pada 27 Julai lalu.

"Hingga 11 Ogos lalu, dos pertama untuk golongan dewasa mencapai 100.2 peratus kerana melebihi sasaran awal, manakala penduduk dewasa yang sudah lengkap dua dos vaksin setakat ini sudah mencapai 90.8 peratus," katanya.

Dr Ismuni berkata, tempoh tiga minggu diperlukan untuk menurunkan kes selepas program vaksinasi dilaksanakan secara besar-besaran, bermula dengan 108 kes harian ketika 80 peratus penduduk sudah menerima dos pertama pada 3 Julai lalu.

Jumlah jangkitan baharu terus menunjukkan penurunan dengan hanya 35 kes direkodkan ketika 70 peratus penduduk sudah menerima dua dos lengkap pada 21 Julai lalu, diikuti 11 kes baharu selepas Labuan mencapai imuniti kelompok 80 peratus penduduk lengkap dua dos vaksin pada 27 Julai.

Beliau menjelaskan, kebanyakan jangkitan baharu COVID-19, khususnya yang kritikal iaitu ka-



Program vaksinasi yang dilaksanakan di Labuan memberikan kesan positif selepas kadar jangkitan baharu terus menurun, selain berjaya mengurangkan kes kemasukan pesakit ke hospital. (Foto hiasan)



tegori lima, termasuk membabitkan kes kematian di Labuan kebelakangan ini terdiri daripada golongan yang belum menerima vaksin.

"Namun, kita masih berusaha meneruskan program vaksinasi sehingga kalau boleh, semua penduduk dewasa di pulau ini menerima vaksin lengkap. Malah, kita juga sudah bersedia dengan senarai penduduk berumur 18 tahun ke bawah untuk diberikan vaksin apabila mereka sudah mula boleh divaksin," katanya.

Walaupun mengakui peratusan sebenar imuniti kelompok sukar dikira melalui program vaksinasi, Dr Ismuni berkata, usaha menurunkan kes COVID-19 perlu dijadikan keutamaan tanpa mengambil kira sama ada sesebuah negeri sudah mencapai imuniti kelompok atau tidak.

"Orang ramai juga perlu terima hakikat kehidupan selepas ini berbeza, terpaksa hidup bersama virus COVID-19 dan perlukan vaksin sebagai pelindung, di samping amalkan norma baharu untuk kesihatan dan kesejahteraan bersama," katanya yang dipilih menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 1443H kategori Tokoh Barisan Hadapan sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat Wilayah Persekutuan, Khamis lalu.

Perdana Menteri, Tan Sri Mu-

hyiddin Yassin pada 2 Ogos lalu memuji Labuan, Perlis dan Sarawak yang akan beralih kepada Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 4 Ogos, susulan kejayaan ketiga-tiganya dalam langkah pengawalan, sekali gus menurunkan kes jangkitan.

Selain itu, Dr Ismuni mengakui bukan mudah mencapai penurunan kes secara mendadak, namun hasil kerja keras, perancangan teliti dan kerjasama menyeluruh semua pihak banyak membantu

kejayaan itu.

Katanya, dengan anggota Jabatan Kesihatan Labuan yang terhad kira-kira 1,000 orang, pasukan barisan hadapan di Labuan benar-benar diuji dengan peningkatan mendadak kes bermula April lalu.


"Kes COVID-19 meningkat mendadak selepas jangkitan varian Delta dikesan pada 24 April lalu melalui kemasukan dari luar negara membabitkan individu bekerja dalam industri minyak dan

Kita masih berusaha meneruskan program vaksinasi sehingga kalau boleh, semua penduduk dewasa di pulau ini menerima vaksin lengkap

Dr Ismuni Bohari,
Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan



Bilangan kes COVID-19 VS % pevakinsan COVID-19



gas serta perkapalan.

"Daripada enam orang di tempat dia bekerja, tiga dijangkiti dan mereka menjangkiti seluruh pulau. Ia disusuli pula peningkatan kes sepanjang Ramadan dan sambutan Aidilfitri pada Mei hingga akhirnya Labuan mencatat 1,344 kes dalam seminggu dengan 30 peratus pesakit dimasukkan ke hospital memerlukan bantuan oksigen.

"Justeru, kita merangka empat tindakan proaktif bagi menangani situasi bencana COVID-19 secara menyeluruh, iaitu program vaksinasi, kawalan pintu masuk dan komuniti, diikuti pemantauan hubungan epidemiologi serta virus, selain program kesiapsediaan hospital dan program pengurusan komunikasi berisiko.

"Semua langkah yang diambil membolehkan penurunan kes dicapai Labuan, sekali gus mengubah statusnya daripada zon merah ke kuning dan membolehkan ia memasuki Fasa Ketiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) bersama Sarawak dan Perlis bermula 4 Ogos lalu," katanya.

Program vaksinasi Labuan

- **130,000** anggaran penduduk Labuan
- **68,000** terima dos pertama vaksin setakat **12 Ogos 2021**
- **62,219** terima vaksin lengkap setakat **12 Ogos 2021**
- **2,000-6,000** sehari kapasiti pemberian vaksin
- **1,000** petugas kesihatan Labuan laksana vaksinasi.
- **7** Pusat Pemberian Vaksin (PPV), termasuk **1** PPV pandu lalu

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19



JENAZAH Norfazah selamat dikebumikan di Kampung Lembaga dekat Gua Musang.

Tak sempat lihat cahaya mata sulung

Jururawat hamil 26 minggu dijangkiti Covid-19 meninggal dunia

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seorang jururawat hamil 26 minggu meninggal dunia akibat Covid-19 di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai, pagi kelmarin.

Wanita berkenaan, Nor-

faizah Mohamed Nor, 34, menghembuskan nafas terakhir pada jam 3.02 pagi dan difahamkan arwah menunggu kehadiran anak sulungnya sejak 10 tahun lalu.

Difahamkan pembedahan terpaksa dilakukan untuk melahirkan bayi itu dalam keadaan pramatang ketika kandungan berusia 26 minggu dan bayi berkenaan ber-

jaya diselamatkan.

Wanita itu dijangkiti Covid-19 kategori 5 dan dipercayai dijangkiti wabak itu daripada pesakitnya.

Bayi wanita itu ditempatkan di unit rawatan intensif neonatal (Nicu) untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin mengesahkan wanita itu

yang juga jururawat meninggal dunia akibat Covid-19.

Beliau berkata, Allahyarhamah adalah jururawat di Hospital Gua Musang dan seorang petugas yang berdedikasi.

"Jenazah wanita itu dikebumikan di Kampung Lembaga dekat Gua Musang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kapasiti katil wad HSI ditambah

Johor Bahru: Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) akan meningkatkan kapasiti katil di wad Covid-19 Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, kepada 44 katil, kata Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohamad.

Hasni menerusi hantaran dalam laman Twitter berkata, kemudahan khemah di hadapan Jabatan Kecemasan dan Trauma HSI turut akan ditambah baik.

"(Kapasiti) hospital kluster di Mersing dan Kota Tinggi juga akan dimaksimumkan," katanya.

Beliau berkata demikian susulan baru-baru ini, tular di media sosial seorang pengguna Facebook mendakwa HSI kekurangan kapasiti katil untuk menampung pesakit Covid-19 sehingga menyebabkan pesakit terpaksa ditempatkan di khemah dan hanya tidur di atas kerusi.

Untuk rekod, kapasiti katil di wad Covid-19 HSI sedia ada setakat ini berjumlah 28 katil.

Pada 2 April tahun lalu, HSI dilaporkan mendirikan sebuah khemah tertutup dilengkapi penaman udara di hadapan Jabatan Kecemasan dan Trauma bagi menambah baik Pusat Saringan Covid-19 yang juga disebut 'Kem Covid' dalam usaha mengurangkan risiko jangkitan antara perawat dan pesakit.



(Kapasiti) hospital kluster di Mersing dan Kota Tinggi juga akan dimaksimumkan"

Hasni

Sementara itu, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim menitahkan Pengarah Kesihatan Negeri Johor Datuk Dr Aman Rabu menghadap baginda, semalam berhubung tular di media sosial bahawa HSI kekurangan kapasiti untuk menampung pesakit, baru-baru ini.

Tunku Ismail menerusi hantaran dalam laman Twitter bertitik akan mendapatkan laporan yang lebih lengkap berhubung perkara itu dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. - Bernama

Caj ribuan ringgit bebaskan waris

Kota Bharu: Kerajaan berunding dengan pihak berkuasa agama negeri berhubung isu kos pengurusan jenazah pesakit Covid-19 yang dikatakan membebaskan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary berkata, perkara itu akan diselesaikan segera kerana ia membebaskan keluarga pesakit Covid-19.

Beliau turut menyifatkan caj dikenakan sehingga mencecah ribuan ringgit itu sebagai tidak patut memandangkan ramai terkesan dengan pandemik Covid-19.

"Saya tidak mendapat maklumat secara terperinci berkaitan isu kos pengurusan jenazah pesakit Covid-19. Seperti kita sedia maklum, pihak hospital tidak menguruskan urusan

tayamum bagi jenazah pesakit wabak berkenaan.

"Pihak luar yang menguruskannya itu dikatakan mengambil kesempatan dengan mengenakan kos tinggi. Jika sebelum ini kos untuk menguruskan jenazah biasa sekitar RM300 hingga RM500 namun jika jenazah berisiko tinggi seperti HIV dan Covid-19, memang kos sedikit tinggi dan dianggap berpatutan.

"Namun, jika dikatakan kos dikenakan sehingga mencecah ribuan ringgit hanya untuk proses tayamum sahaja, ia memang tidak munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

Majlis Penyampaian Foodbank Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) di Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Gajah di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan bayaran pengurusan jenazah pesakit Covid-19 di Kelantan antara RM1,300 hingga RM1,800 disifatkan melampau sehingga menaikan keluarga golongan kurang berkemampuan.

Bayaran itu pula bukan kos keseluruhan sehingga pengebumian, sebaliknya hanya membolehkan urusan memandikan jenazah menggunakan kaedah tayamum sebelum dikafkan sahaja.

Mengulas lanjut, Ahmad Marzuk berkata, untuk di Kelantan, beliau difahamkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) sudah memanggil pihak berkenaan untuk mendapatkan maklumat selain menetapkan penyaluran harga berpatutan.

"Di peringkat Persekutuan, pengurusan jenazah di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan kita tidak mengenankan caj yang membebaskan," katanya.

"Jika jenazah berisiko tinggi seperti HIV dan Covid-19, memang kos sedikit tinggi"

Ahmad Marzuk



Pihak hospital perlu membuat persediaan pengubatan diri jika seseorang proses pengebumian menguruskat jenazah Covid-19.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

72.1 peratus populasi dewasa dapat dos pertama

Kuala Lumpur: Sebanyak 31.9 peratus atau 10,425,300 populasi negara ini sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19 setakat kelmarin, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Menerusi perkongsian infografik di Twitter rasminya, beliau memaklumkan seramai 16,868,615 orang atau 51.7 peratus sudah menerima dos pertama menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) setakat kelmarin sebanyak 27,293,915 dos.

Mengikut peratusan, 72.1 peratus daripada populasi dewasa negara sudah mendapat dos pertama manakala 44.5 peratus sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19.

Sementara itu, vaksinasi harian mencatatkan 442,150 dos diberikan kelmarin dengan 161,049 adalah dos pertama manakala 281,101 adalah dos kedua.

Pick dilancarkan pada 24 Februari lalu bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik Covid-19 di seluruh negara.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Negara catat 20,546 jangkitan baharu

PUTRAJAYA – Sebanyak 20,546 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,404,899 kes.

Jumlah jangkitan harian masih mencatatkan angka melebihi 20,000 dan hanya berkurang sedikit daripada kelmarin iaitu sebanyak 20,670 kes.

Sementara itu, negara mencatatkan sebanyak 282 kes kematian semalam.

Kes sembuh pula sebanyak 16,945 dengan jumlah kumulatif pesakit pulih 1,145,128.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor mencatatkan kes sebanyak 7,307, diikuti oleh Sabah (1,665 kes), Kedah (1,596 kes), Johor (1,508 kes), Kuala Lumpur (1,442 kes), Pulau Pinang (1,111 kes), Perak (1,069 kes) dan Kelantan (1,025 kes).

“Sarawak (963 kes), Pahang (926 kes), Negeri Sembilan (698 kes), Melaka (631 kes) dan Terengganu (534 kes).

“Putrajaya pula (47 kes), Perlis (21 kes) dan Labuan (tiga kes),” katanya dalam satu kenyataan di Facebook semalam.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	20,546
Import:	14
Tempatan:	20,532
Pulih	16,945
Kematian	282
Masih dirawat	247,261
Jumlah kes sembuh	1,145,128
Jumlah Kematian	12,510
Jumlah kes keseluruhan	1,404,899

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes baharu masih pada angka 20,000

Sebanyak 282 kematian dilaporkan, manakala kes aktif adalah sebanyak 247,261 kes

KUALA LUMPUR

Kes baharu Covid-19 yang dilaporkan di Malaysia pada Ahad menurun sedikit kepada 20,546 kes berbanding 20,670 kes yang direkodkan semalam (Sabtu).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian data terkini jangkitan Covid-19 di laman Twitter, memaklumkan perkembangan baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara kini 1,404,899 kes.

Menurutnya, Selangor kekal merekodkan kes tertinggi dengan 7,307 kes diikuti Sabah (1,665), Kedah (1,596), Johor (1,508), Kuala Lumpur (1,442), Pulau Pinang (1,111), Perak (1,069) dan Kelantan (1,025).

Sarawak pula mencatat 963 kes, Pahang (926), Negeri Sembilan (698), Melaka (631),

Terengganu (534), Putrajaya (47), Perlis (21) dan Labuan (tiga).

Dr Noor Hisham menerusi kenyataannya pada Ahad memaklumkan, daripada 20,546 kes, 373 kes (1.8 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala baki 20,173 kes (98.2 peratus) terdiri daripada kategori satu dan dua.

Beliau berkata, secara keseluruhan, 17,802 kes (86.64 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan tidak mempunyai sejarah atau tidak lengkap vaksinasi Covid-19.

Selain itu, beliau berkata, kes sembuh mencatatkan 16,945 kes, menjadikan jumlah kumulatif kini 1,145,128 kes manakala kes aktif sebanyak 247,261 kes.

Mengenai kes kematian baharu, 282 kematian dilaporkan melibatkan 108 kes di Selangor, Kuala Lumpur (45), Johor (44), Pulau Pinang (24), Kedah (15), Perak (13), Sabah (sembilan), masing-masing enam kes di Sarawak dan Melaka, lima kes di Negeri Sembilan, empat kes



DR NOOR HISHAM

di Pahang dan tiga kes di Kelantan.

Katanya, 214 mangsa adalah warga tempatan dan 68 warga asing dengan jumlah itu termasuk 101 kes kematian di rumah atau *brought-in-dead* (BID) melibatkan 46 warga tempatan

serta 55 bukan warganegara. Sementara itu, sejumlah 1,059 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 526 pesakit memerlukan bantuan alat pernafasan.

Mengenai 29 kluster baharu yang dikenal pasti, Dr Noor Hisham berkata, 17 daripadanya adalah kluster tempat kerja, 10 kluster komuniti dan dua kluster k u m p u l a n berisiko tinggi.

Katanya, nilai kadar kebolehhajngkitan Covid-19 atau R-naught (Rt) di Malaysia pada Sabtu adalah 1.05 dengan Perlis mencatatkan nilai tertinggi iaitu 1.47, diikuti Kelantan (1.20) dan Sabah serta Pulau Pinang masing-masing catat 1.17. - *Bernama*

Lapan lokaliti dikenakan PKPD, 34 lagi dilanjutkan

KUALA LUMPUR - Lapan lokaliti di empat negeri iaitu Sabah, Terengganu, Kelantan dan Perak dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mulai 17 hingga 30 Ogos, kata Menteri Kanan Luar Negeri (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau dalam kenyataan mengenai Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan PKPD pada Ahad berkata, lokaliti di Sabah yang terlibat ialah empat kampung di Kota Belud iaitu Mantanau, Pirasan Ulu, Suang Punggur dan Tambalaung.

"Sementara lokaliti di Tawau yang dikenakan PKPD ialah di Taman Megah Jaya melibatkan Lorong Megah dua, tiga, sembilan dan 10," katanya.

Hishammuddin berkata, turut dikenakan PKPD ialah Kampung Bukit Cina di Mukim Pasir Akar, Besut, Terengganu; Kampung Lela Jasa di Mukim Olak Jeram, Kuala Krai, Kelantan dan tapak bina 'Spanish Garden' di Kinta, Perak.

Menurut beliau, 33 lokaliti melibatkan dua Mukim di Dungun, Terengganu iaitu Kuala Dungun dan Sura serta satu di Sabah iaitu Kampung Tagibang di Kota Marudu, dilanjutkan PKPD berkuat kuasa 17 hingga 30 Ogos.

Beliau berkata, PKPD di Mukim Kuala Dungun melibatkan

kan 19 lokaliti iaitu Sungai Buaya, Tanah Lot, Lembah, Padang Jambu, Nibong, Bukit Chatak Tengah, Kg Molek, Bijangga, Sungai Udang, Sungai Penaga, dan Kubang Miang.

"Lapan lagi lokaliti ialah Teratai, Telok Lipat, Alor Tembesu, Sura Utara, Batu 48, Sura Gate, Bukit Chatak dan Tembesu Akar.

"Di mukim Sura pula sebanyak 14 lokaliti membabitkan Rumah Awam Kos Rendah Gong Pasir, Kampung Gong Pasir, Taman Maidam, Batu Lima, Sura Tengah, Alor Tempoyak, Taman Rakyat Jaya dan Taman Delima Batu Enam.

"Enam lagi lokaliti ialah Balai Besar, Sura Melati, Batu Tujuh, Paya Balai Besar, Pak Sabah dan Sura Lapangan Terbang," katanya.


Hishammuddin berkata, PKPD yang dilaksanakan di Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Anak Ikan, Jabi di Besut, Terengganu dan lima lokaliti di Sabah iaitu Ladang Agathis di Kalabakan, Kampung Bakalau di Beaufort, Kampung Nosoob di Penampang, Perumahan Ladang Hibumas di Sungai-Sungai, Beluran dan Kampung Gusung di Kota Kinabalu ditamatkan esok.

Katanya, sebanyak 65 premis diarahkan tutup, manakala 174 individu dikompaun serta sembilan orang direman pada Sabtu kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard. - *Bernama*

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPKC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESSELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,404,899	1,145,128	1,059	12,510	20,546	27,293,915

* Dikemas kini pada jam 12:27 hari 15 Ogos 2021

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

93 kes positif Covid-19 melibatkan Kluster Telaga 2

ALOR SETAR - Seramai 93 kes positif Covid-19 dikesan melibatkan Kluster Telaga 2 yang terdiri daripada petugas dan pesakit Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) serta ahli keluarga mereka.

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Othman Warjo berkata, seorang pesakit buah pinggang di Wad Nefrologi hospital berkenaan telah disahkan positif Covid-19 melalui saringan sebelum menjalani satu prosedur pada 4 Ogos lepas.

Katanya, berikutan itu, siasatan dan saringan kontak rapat telah dilakukan terhadap pesakit lain dan peneman, petugas kesihatan, serta petugas sokongan hospital yang bertugas di wad sama dan waris pesakit serta petugas.

"Hasil saringan awal mendapati, 72 kes positif Covid-19 dikesan iaitu 31 pesakit Wad Nefrologi, 23 petugas kesihatan, empat pekerja sokongan hospital dan

14 kes waris pesakit.

"Dalam kalangan pesakit Wad Nefrologi yang positif, ketika baru didiagnosis 11 kes tidak bergejala (kategori satu), dua kes bergejala ringan (kategori dua), satu kes dalam kategori tiga, 15 kes dalam kategori empat dan tiga kes dalam kategori lima," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 10 kes telah meninggal dunia dan 22 kes lagi masih berada di wad dengan siasatan lanjut berkaitan kematian berkenaan sedang dijalankan.

"Setakat ini, belum ada dalam kalangan kontak petugas kesihatan, perkhidmatan sokongan dan keluarga yang dimasukkan ke wad kecuali seorang petugas kesihatan dalam kategori satu tetapi



DR OTHMAN

dimasukkan ke wad kerana mengandung dan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Dr Othman berkata, siasatan dan saringan terhadap kontak selanjutnya telah mengesan 21 kes positif lagi di Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Yan menjadikan jumlah keseluruhan Kluster Telaga 2 adalah seramai 93 orang.

Katanya, sehubungan itu, beberapa tindakan diambil segera termasuklah penutupan Wad Nefrologi sebaik kes pertama disahkan positif dan kemasukan pesakit baru ke wad berkenaan dihentikan bagi membendung jangkitan Covid-19 di HSB.

Tambah beliau, semua pesakit telah

dipindahkan ke wad Covid secara berperingkat dan wad akan dibuka semula selepas disanitasi.

Dalam perkembangan sama, menurut Dr Othman, Perkhidmatan Hemodialisis Pesakit Luar di Hospital Alor Setar berjalan seperti biasa dan perkhidmatan 'Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis' (CAPD) pula dipindah ke ruang lain iaitu di 'Diabetic Resource Center'.

Jelasnya, pesakit nefrologi baharu bukan Covid-19 dimasukkan ke wad bukan Covid-19 lain, malah tiada wad ataupun perkhidmatan lain ditutup berkaitan dengan kluster tersebut.

"Teruskan kepatuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan mengamalkan norma baharu bagi menjamin keselamatan dan kesihatan," kata beliau.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

VACCINES DRASTICALLY REDUCED INFECTIONS IN LABUAN

OLIVIA MIWIL
LABUAN
olivia@nst.com.my

THE high vaccination rate in Labuan has led to a significant reduction in Covid-19 cases and deaths.

Four months ago, the public was doubtful whether the Labuan Health Department could handle the crisis caused by the spike in Covid-19 cases.

However, despite limitations in facilities — with only one 122-bed hospital on the island and only about 1,200 staff — the Labuan Health Department brought the situation under control with the help of a field hospital.

Labuan, an economic centre and a duty-free island, is now in the third phase of the National Recovery Plan.

With almost all its adult population vaccinated, Labuan has had only less than five Covid-19 patients experiencing severe symptoms that require intensive care.

Labuan Health Department director Dr Ismuni Bohari said during the third wave of infections on the island, which started with the detection of the first Delta variant case on April 24, Labuan's health-care system was under tremendous strain.

Infections went up to 1,344 cases per week, with 30 per cent of patients requiring oxygen support. The situation worsened as infections spread further amid Ramadan activities and Hari Raya celebrations.

"The vaccination rate in Labuan in April was low. But after an outbreak of the Delta variant, Phase Four of the Covid-19 National Immunisation Programme was activated to control infections in the locality.

"Within a month and a half, we inoculated at least 80 per cent of adults on the island," he said, adding that there were about 130,000



The vaccination rate in Labuan in April was low. But after an outbreak of the Delta variant, Phase Four of the Covid-19 National Immunisation Programme was activated to control infections in the locality.

DR ISMUNI BOHARI
Labuan Health Department director



The Federal Territory of Labuan became the first area in the country to achieve cluster immunity, with 80 per cent of the island's adult population completing both doses of Covid-19 vaccine on July 23.

people on the island, based on the department's records.

Dr Ismuni said the mass inoculation programme was the result of proper planning, especially in outbreak areas.

"When we were about to implement the vaccination drive, the department looked into several aspects.

"What is our readiness level? When can we start doing it? What are our strengths and support teams? Do we have enough clinics and experts to handle a possible surge in cases as well as people who experience side effects from vaccines?"

Labuan, which is divided into five subzones, has seven vaccina-



tion centres, each with at most 15 employees to achieve the target of administering 2,000 to 6,000 vaccine doses daily.

Dr Ismuni attributed the success

of Labuan's vaccination programme to active involvement from the public, including community leaders who arranged for mobile vaccination and screenings in their areas, corporate companies who provided items that the department was lacking and volunteers who complemented the non-medical procedures.

He said drive-through inoculation was one of the methods that boosted Labuan's vaccination rate.

Like everywhere else, some Labuan folk were sceptical of the Covid-19 vaccine.

"We had to play 'catch' with some people to vaccinate them, including non-locals.

"However, due to the high rate of Covid-19 deaths, people began to be more receptive to inoculation."

Besides vaccination, stringent control at entry points, with compulsory RT-PCR tests and quarantine up to 21 days, and minimising economic activities, particularly the signing on or off of ships, also helped reduce infections.

Dr Ismuni said the department conducted mass and targeted screening tests in high-risk localities to treat and quarantine those infected.

"We were very serious about contact tracing and investigating up to the fourth generation (of cases). The team was committed to finding the epidemiological link between cases and conducting surveillance.

"The quarantine period for Covid-19 patients is between 10 and 14 days, depending on the medical

evaluation. "As for Enhanced Movement Control Order in certain localities, instead of announcing it, it is done administratively by the relevant authorities to carry out screening and quarantine."

He said the department constantly conducted genome sequencing on samples from patients to keep tabs on changes in Covid-19 variants in Labuan.

Apart from the Covid-19 control measures, he said it was crucial to manage communication to minimise hiccups in managing crises.

He said a good relationship with the media helped ensure the right information was delivered at the right time to the public and helped educate people and alleviate fears.


On vaccination for the underage, Dr Ismuni said the plan to inoculate those aged 12 to 17 in Labuan had to be put on hold.

"We can vaccinate the group within a month, but after taking into consideration other states with lower vaccination rates and the ongoing studies on inoculation for teens, the plan was put on hold."

For now, the department would continue with its modus operandi on disaster management should the situation worsen with another wave of infections.

Dr Ismuni said the department would implement programmes with the community and industry to encourage adherence to the standard operating procedures and new norms, as well as frequent testing and sanitisation of premises.

NUMBER OF COVID-19 CASES VS VACCINATION



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION/NEWS

PROGRESS

KL HOSPITAL FRONTLINERS BREATHE SIGH OF RELIEF

Drop in admission of categories three to five Covid-19 patients

AZDEE AMIR
KUALA LUMPUR
azdee@nst.com.my

THE medical personnel at Kuala Lumpur Hospital, among the main medical treatment centres in the fight against the Covid-19, are breathing a sigh of relief after seeing a drop in the number of categories three, four and five Covid-19 patients requiring hospitalisation.

This was especially so for coronavirus patients requiring admission to semi-critical or Intensive Care Unit (ICU) over the last five days.

The was evident as the yellow zone (semi-critical) at the hospital's Emergency Department, which used to receive and is the first line of treatment for Covid-19 patients, has been converted into the care and treatment for non-Covid-19 patients being admitted for other illnesses, such as heart attack, di-

abetes and appendicitis.

Dr Ahmad Ibrahim Kamal Batcha, 40, an emergency and trauma services consultant at the hospital, and his colleagues are breathing easier following the decrease in admissions involving category three, four and five Covid-19 patients over the last five days in the Klang Valley.

"Before this, this was a semi-critical zone for Covid-19 patients.


"And because of the high number of patients at the time, we were struggling to cope and were short of space.

"We even had to put patients on canvas beds in the zone because we had our hands full with so many patients, more than 70 at one time when the capacity is only 20.

"Now we have converted it back to being a non-Covid-19 patient ward because of the decrease in category three to five Covid-19 patients over the last couple of days.

"Just last week, we were still treating Covid-19 patients in this semi-critical zone."

Dr Ibrahim said even though medical personnel no longer treated Covid-19 patients in the yellow zone, they continued to take precautions against the



There are more empty beds at Kuala Lumpur Hospital yesterday as the number of categories three to five Covid-19 patients has dropped. PIX BY ASWADI ALIAS



Dr Ahmad Ibrahim Kamal Batcha says Kuala Lumpur Hospital personnel continue to adhere to the standard operating procedures.

coronavirus.

This can be seen from medical personnel wearing personal protective equipment (PPE) as some patients initially test negative for Covid-19 but later end up testing positive.

He said up to yesterday at two ICU wards treating category four and five patients, one ward had just three patients while the other had five patients. Each ward can accommodate up to 12 patients.

Hospital director Dr Rohana Johan, who took up her position on July 19, also expressed relief about the drop in category four and five patients.

"The situation at the Emergency and Trauma Department has seen a welcome decrease in Covid-19 patients over the last couple of days, which has led to

things being more organised and calm.

"This is courtesy of the joint and concerted effort and initiatives by the Health Ministry, the Greater Klang Valley Special Task Force, the armed forces, the Civil Defence Department and volunteers who helped to alleviate the strain on the hospital and its personnel.

"Before (this), we would have up to 200 or more Covid-19 patients waiting to be admitted, but of late, we are receiving only about 20 patients.

"This goes to show that there is progress in the fight against the pandemic".

Dr Rohana attributed this to the effectiveness of the Covid-19 National Immunisation Programme, which can be seen from

the less critical stage patients from category four and five being admitted.

Now, she said, most infection cases were in category one and two, which does not require hospital admission but most are home quarantined.

"As we are all aware, vaccines do help."

She called on all to continue adhering to the standard operating procedures, keep wearing face masks, sanitise hands, maintain social distancing, remain indoors and go out only when necessary, and to get vaccinated.

On Saturday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said with more people being vaccinated, the use of intensive care unit beds for category three to five patients in Labuan, Sarawak, Negri Sembilan, Kuala Lumpur and Putrajaya had seen a drop.

He said that when the full vaccination rate among the adult population (18 and above) in Labuan reached 63.4 per cent, Sarawak (55.7 per cent), Negri Sembilan (40.1 per cent), Kuala Lumpur (78.3 per cent) and Putrajaya (69.3 per cent), there had been a reduction in the admission of category three to five patients to hospitals and ICUs.

He said other states had not shown a declining trend as the percentage of those completing both doses was still low.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19 Current situation		Malaysia: New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	VACCINATED IN MALAYSIA		TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED	FIRST DOSE - TOTAL	SECOND DOSE TOTAL					
		20,546	1,404,899	12,510(+282)	1,145,128(+16,945)	As at 11 59pm Aug 14 (Daily figures in brackets)		27,293,915 (442,150)	16,868,615 (161,049)	10,425,300 (281,101)					
Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N. Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT K. Lumpur	FT Putrajaya	FT Labuan
+21	+1,596	+1,111	+1,069	+7,307	+1,025	+534	+926	+698	+631	+1,508	+1,665	+963	+1,442	+47	+3

Another five Parliament cases

Total passes 100 after family members catch the coronavirus

PETALING JAYA: Five more Covid-19 cases linked to the recent special Parliament sitting in July has been detected, says the Health Ministry.

This brings the total number of cases linked to the Parliament sitting to 102 to date.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham said the five new cases involved five family members, where the index case was an individual who attended the Parliament proceedings from July 26 to 29.


"All of them have completed their two doses of the vaccine. They have mild symptoms and are undergoing quarantine in their respective homes.

"Three cases have a high cycle threshold value of between 16.98 and 22.76 (which indicates high infectivity rates)," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham added that with the five new cases, there were now 30 cases that could be traced back to individuals who attended the Dewan Rakyat sitting.

One of the 30 cases was Datuk Jaimin Samitah who died of Covid-19 on Aug 9.

He was the special officer to



Datuk Guandee Kohoi and had accompanied the Deputy Tourism, Arts and Culture Minister during the special Parliament sitting between July 26 and 29.

In addition to the 30 cases, 56 cases were detected during the

pre-screening process before the Dewan Rakyat sitting and another eight cases from the Dewan Negara pre-screening process.

Dr Noor Hisham said stricter measures will be taken when Parliament reconvenes in

September in order to minimise the risk of transmission before and during the proceedings.

He said this included having better ventilation in the premises, disinfecting the premises at least twice a day and having random Covid-19 screening during proceedings.

Meanwhile, another 20,546 new cases were detected yesterday, plus another 16,945 recoveries.

About 86.6% of the new cases involved those who were not inoculated or have not completed their vaccination regime.

Dr Noor Hisham said a total 17,802 newly reported cases did not have a vaccination history.

"Please get the Covid-19 vaccine to reduce the risk of getting a serious infection. It is hoped that this will reduce the spread of the virus in the country," he said.

He added that 373 cases, or 1.8% of the total number of new cases were classified as belonging to Categories 3, 4 and 5.

Another 98.2% of the cases had no symptoms or mild symptoms.

"This is based on the clinical condition of the case when they have just been diagnosed with Covid-19," he clarified, adding that some cases

do get reclassified based on improvement or deterioration.

There were 282 fatalities reported in the same 24-hour span.

Out of the total, 108 were in Selangor, 45 in Kuala Lumpur and 44 in Johor.

This was followed by Penang (24 deaths), Kedah (15), Perak (13), Sabah (nine), Sarawak (six), Melaka (six), Negri Sembilan (five), Pahang (four) and Kelantan (three).

There were 101 cases that were brought in dead, while 200 of the fatalities had comorbidities.

Meanwhile, there were 29 new Covid-19 clusters detected in the country with 17 linked to workplace transmission.

Another 10 involved community transmission, while the remainder were detected among high-risk groups.

The states with the most clusters were Selangor (six), Johor (five) and Kelantan (five).

Watch the video [TheStarTV.com](https://www.thestar.com.my)

